



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**MAKLUM BALAS MEDIA**  
**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

**"WANITA HADAPI KESUKARAN HIDUP, 21 TAHUN TANPA KAD PENGENALAN"**

---

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin merujuk kepada isu yang sedang diperdebatkan di media sosial berikutan hantaran asal di akaun milik YB Syed Saddiq mengenai seorang wanita yang menghadapi kesukaran hidup, 21 tahun tanpa kad pengenalan.

JPN telah menghubungi saudari Melisa untuk mendapatkan fakta kes mengenai permohonan sebenar dan penelitian sewajarnya sedang dibuat.

Jabatan ini juga mengambil maklum, di mana rentetan hantaran tersebut, perkara berkaitan permohonan kewarganegaraan menjadi perdebatan umum oleh warga internet. JPN ingin memohon agar orang ramai tidak mensensasikan perkara ini dan seterusnya memberikan tanggapan yang tidak benar kepada perkhidmatan Kerajaan. Proses yang dilaksanakan oleh JPN adalah sentiasa tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan selari dengan undang-undang yang berkuat kuasa bagi memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terjamin.

Orang ramai yang mempunyai masalah bukan sahaja mengenai kewarganegaraan namun pelbagai perkhidmatan lain seperti pendaftaran lewat kelahiran, masalah cap ibu jari, sijil pengangkatan anak angkat, prosedur perkahwinan bukan Islam dan lain-lain boleh hadir terus ke mana-mana 212 pejabat JPN di seluruh Malaysia untuk dibantu dan dibuat penelitian sewajarnya. Pemohon dinasihatkan hadir sendiri tanpa menggunakan

khidmat ejen atau orang tengah kerana setiap permohonan dan masalah individu mungkin memerlukan penyelesaian yang berbeza.

Untuk mendapatkan informasi awal berkaitan perkhidmatan JPN orang ramai boleh sentiasa merujuk portal dan media sosial rasmi JPN yang sentiasa menyediakan maklumat terkini sebagai panduan.

**TAMAT.**

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

**2 SEPTEMBER 2023**

---

*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.*

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Negara  
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my*